



# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**  
**Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1983**  
**DR.6/1983**

Naskhah sahili—Bahasa Malaysia

## RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (s) dengan perenggan baru (s) yang berikut:

Pindaan seksyen 102. Akta 171.

“(s) mengawal dan menyelia, dengan pendaftaran, pelesenan atau selainnya, termasuk dalam keadaan-keadaan wajar dengan melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam;”

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

2. Fasal 2 bertujuan memberi kuasa kepada pihak-pihak berkuasa tempatan untuk melesen tred, perniagaan dan perindustrian yang termasuk dalam lingkungan "tred memudaratkan" atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam, dalam lingkungan butiran 4 (b) Senarai Negeri di bawah Jadual Ke-sembilan kepada Perlembagaan Persekutuan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1219.]